



Rujukan: UKM(S)FEP.100-1/5/2  
Tarikh: 5 Februari 2021

**Semua Staf**

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN BIL.2/2021  
PELAKSANAAN GARIS PANDUAN BEKERJA DARI RUMAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 4/2021 bertarikh 5 Februari 2021 mengenai Pelaksanaan Garis Panduan Bekerja Dari Rumah Universiti Kebangsaan Malaysia yang akan berkuat kuasa 8 Februari 2021 (Isnin) dan perkara di atas adalah dirujuk.

Merujuk kepada Pelaksanaan Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) UKM, perkara 4.1.1 dan 4.1.2 menyatakan mana-mana staf UKM hanya boleh BDR apabila mendapat arahan atau kelulusan daripada Ketua dengan melihat kepada jenis tugas yang boleh diselesaikan sekiranya BDR dan perlu melengkapkan borang permohonan BDR. Manakala perkara 4.4.1 Staf yang telah mendapat kelulusan untuk BDR perlu merekodkan kehadiran (log-in dan log-out) melalui e-Warga atau aplikasi MyUKM sepanjang tempoh BDR. Maklumat lanjut boleh dirujuk pada garis panduan berkenaan, sila rujuk lampiran.

Sehubungan dengan itu, merujuk kepada Pekeliling Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Bil. 2/2021 bertarikh 12 Januari 2021, arahan telah dikeluarkan sebelum ini bahawa staf akademik diberi kebenaran Bekerja Dari Rumah(BDR), manakala staf pengurusan dan pelaksana digilirkan hadir bertugas di pejabat dan BDR, ini selaras dengan keperluan tuntutan 30% hadir di pejabat. Oleh yang demikian, bagi staf yang bekerja dari rumah **wajib** mengemukakan permohonan Bekerja Dari Rumah (BDR) dan menghantar borang permohonan BDR ke Pejabat Dekan melalui alamat emel [dfep@ukm.edu.my](mailto:dfep@ukm.edu.my). Status permohonan akan dimaklumkan kepada emel pemohon. Borang permohonan BDR boleh dicapai dari Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR).

Semoga kita tetap bersemangat menjalankan tugas walaupun bekerja dari rumah, prestasi kerja tidak terjejas malah meningkat. Mari kita sama-sama berdoa agar penularan wabak COVID-19 ini dapat diputuskan dan kita dapat kembali bertugas di pejabat seperti sebelum ini.

Perhatian **segera** YBhg. Prof./Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih. Sekian. Salam hormat.

Yang benar,

**PROF. DR. AINI AMAN**

Dekan  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan



**PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: [dfep@ukm.edu.my](mailto:dfep@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/fep](http://www.ukm.my/fep)